



POLITEKNIK METrO KUALA LUMPUR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2-14, Jalan Setiawangsa 10
Taman Setiawangsa
54200 KUALA LUMPUR



Tel : 03 - 4251 8000
Faks : 03 - 4251 7979
Laman Web : www.pmkl.edu.my
Facebook: PoliteknikMETrOKualaLumpur

Rujukan Kami : PMKL.600-1/2 (91)
Tarikh : 21 November 2018

Kepada,
Pelajar Sem 2, 3, 4, 5, 6, 7 & Mengulang Kursus Politeknik METrO Kuala Lumpur

Saudara/saudari,

LAPOR DIRI PELAJAR SEM 2, 3, 4, 5, 6, 7 & MENGULANG KURSUS SESI DISEMBER 2018

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL) ingin mengucapkan **TAHNIAH** kepada saudara/saudari kerana dapat menyambung pengajian bagi sesi pengajian **DISEMBER 2018**. Adalah dimaklumkan **bahawa tarikh lapor diri bersama Penasihat Akademik/Industri bagi pelajar semester 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan mengulang kursus** seperti ketetapan berikut:

Program	Tarikh	Hari	Masa Lapor Diri	Tempat
DHM 6	3 Dis 2018	Isnin	8.00 pagi	Industri (WBL)
DRM 4A, 4B, 5A & 5B	6 Dis 2018	Khamis	2.30 – 4.30 petang	Rujuk PA
DDT 7 (LI)	7 Dis 2018	Jumaat	8.00 pagi	Rujuk PA
DHM 5	10 Dis 2018	Isnin	8.00 pagi	Industri (WBL)
DRM 2A, 2B, 3A & 3B	10 Dis 2018	Isnin	8.00 pagi	Rujuk PA
DHM 2, 3 & 4	10 Dis 2018	Isnin	8.00 pagi	Rujuk PA
DDT 2, 4, 5 & 7	10 Dis 2018	Isnin	8.00 pagi	Rujuk PA

3. Sehubungan itu, semua pelajar senior Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL) **DIWAJIBKAN** membuat pra pendaftaran **MELALUI DALAM TALIAN (ONLINE)** mulai **2 sehingga 9 Disember 2018 selepas 2 hari pembayaran yuran dibuat**. Sila layari **Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP)** Politeknik METrO Kuala Lumpur melalui URL <http://spmp.pmkl.edu.my> (*icon i-HELP dan i-DAFTAR*) untuk melakukan pendaftaran online dan rujuk portal rasmi PMKL <http://pmkl.edu.my> bagi mengetahui tatacara pendaftaran online dan jumlah yuran yang perlu dibayar. Pelajar yang tidak mendaftar secara *online* **TIDAK DIBENARKAN** mengikuti kuliah, makmal atau menggunakan sebarang kemudahan Politeknik.

4. Untuk makluman, rekod kehadiran kuliah akan diambil kira bermula pada **tarikh rasmi perkuliahan bermula iaitu pada 10 Disember 2018 (Isnin)**. Saudara/saudari dikehendaki mematuhi peraturan rupadiri sepertimana yang telah ditetapkan semasa lapor diri (Rujuk Buku Panduan & Peraturan Pelajar Politeknik).

5. Kegagalan saudara/saudari mematuhi arahan di atas boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh diambil tindakan di bawah Peraturan Politeknik.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD NAZAR BIN MAULUD)
Timbalan Pengarah

